

## **Faktor- Faktor Muflis dalam Kalangan Belia di Malaysia**

### *Factors of Bankruptcy among Youth in Malaysia*

**Nurul Anis Nabihah binti Mohd Syah<sup>1</sup>, Hallieyana binti Sha'ari<sup>2</sup>, Wan Nadiyah binti Wan Mohd Nasir<sup>3</sup> & Marina binti Muhammad Razaki<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: anisnabihahsyah25@gmail.com

<sup>2</sup> Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia. e-mail: hallieyana@kias.edu.my

<sup>3</sup> Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: nadiyah@kias.edu.my

<sup>4</sup> Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: marina@kias.edu.my

#### **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap pengurusan kewangan golongan belia yang berusia 18 tahun hingga 30 tahun bagi mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan mereka terjerumus dalam kancah muflis. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif secara tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Data yang telah dikumpulkan adalah sebanyak 384 responden bagi kajian ini. Faktor-faktor muflis yang dikenal pasti adalah pengetahuan pengurusan kewangan, sikap terhadap wang, pengaruh persekitaran dan senario keberhutangan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor senario keberhutangan menjadi faktor utama golongan belia muflis. Keputusan kajian juga menunjukkan asbab faktor itu terjadi kerana sikap mereka terhadap wang serta cara menguruskan kewangan mereka. Implikasi kajian menunjukkan bahawa bagaimana cara belia mengawal dan menguruskan kewangan mereka walaupun mempunyai tahap pendidikan yang tinggi tidak menjamin mereka mampu menguruskan wang dengan baik malah berlaku sebaliknya.

**Kata kunci:** Belia; Muflis; Pengurusan Kewangan; Sikap

---

#### **ABSTRACT**

*This study was conducted to examine the level of financial management of youths aged 18 to 30 years and find out the factors that cause the youths to fall into bankruptcy. The research methodology used in this research is a quantitative survey method using a questionnaire instrument. Data on 384 respondents have been collected for this study. The factors of bankruptcy as identified were the knowledge of financial management, attitude towards money, environmental influences and indebtedness scenarios. The results from the study have determined that the factor*

*for indebtedness scenario is the main factor for bankruptcy. The results show that the main factor is their attitude toward money and how they manage their finances. The implications of this study have shown how youths control and manage their finances despite having a high level of education as it does not guarantee they can manage their money well because, through the study, the opposite happens.*

**Keywords:** *Youths; Bankruptcy; Financial Management; Attitude*

---

## 1. Pengenalan

Keadaan ekonomi kian meruncing akibat kos sara hidup yang makin meningkat (Nuraini Abdullah et al., 2013) dan beberapa tahun kebelakangan ini ekonomi tidak stabil akibat berlakunya pandemik COVID-19 di seluruh dunia (Nuradli Ridzwan Shah et al., 2020). COVID-19 merupakan virus yang disebabkan oleh *virus severe acute respiratory syndrome (SARS-CoV-2)* telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 (Nuradli Ridzwan et al., 2020). Pada awal Disember 2019, virus COVID-19 yang mula dikesan di Wuhan, China telah merebak dengan pantas ke seluruh dunia (Berita Harian *Online*, 2020). Hal ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor. Pandemik yang semakin menular telah memaksa Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat untuk mengawal penularan jangkitan dari terus merebak (Nuradli Ridzwan Shah et al., 2020). PKP telah dilakukan secara berskala besar telah menyebabkan berlakunya sekatan perjalanan, penutupan premis-premis perniagaan serta perkhidmatan kerajaan dan swasta yang tidak melibatkan keperluan asas seperti makanan, minuman dan perubatan. Pelaksanaan PKP telah menjejaskan pembangunan sosio-ekonomi Malaysia dengan begitu ketara, sehingga menyebabkan ramai yang kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan dan mengalami kerugian dalam perniagaan (Nuradli Ridzwan Shah et al., 2020).

Berdasarkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), wabak pandemik COVID-19 telah mengakibatkan ramai pekerja kehilangan pekerjaan telah meningkat sebanyak 42 peratus pada suku pertama tahun 2020 (Berita Harian *Online*, 2020). Hal ini membawa kepada ramai yang telah kehilangan pekerjaan termasuklah golongan belia sehingga membuatkan golongan belia terpaksa berhutang dan terbeban untuk membayar hutang berkenaan secara bulanan sekali gus menyebabkan pengurusan kewangan golongan belia menjadi tidak teratur (Nuradli Ridzwan Shah et al., 2020). Dari sudut pemikiran Nuraini Abdullah & Fazli Sabri (2016), pengurusan kewangan atau celik kewangan di usia muda sangat penting untuk mengurangkan penglibatan golongan belia dalam hutang piutang. Selain itu, seseorang individu boleh menjadi muflis dan tertekan kerana tidak berkeupayaan untuk mengurus kewangan dengan

baik sehingga terpaksa berhutang disebabkan kos hidup yang semakin tinggi (Nurauliani et al., 2015).

Aktiviti berhutang pada hari ini telah menjadi asas kehidupan masyarakat. Allah SWT telah menerangkan mengenai peraturan di dalam urusan hutang piutang dengan memerintahkan supaya kita membuat perjanjian bertulis agar kita tidak lalai untuk menjelaskannya di kemudian hari kelak (Bank Muamalat, 2022). Firma Allah SWT:

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu”. (Al-Baqarah, 2: 282)

Senario muflis sering dikaitkan dengan golongan yang mempunyai perusahaan yang mengalami kegagalan kewangan dan akhirnya diisytiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Tetapi hakikatnya, 60 peratus daripada keseluruhan individu muflis di Malaysia adalah terdiri daripada golongan belia (Berita Harian *Online*, 2019). Keberhutangan yang tinggi sering dikaitkan dengan golongan muda (Nuraini Abdullah & Fazli Sabri, 2016). Perkara ini berlaku disebabkan oleh fasa peralihan yang dilalui mereka bermula daripada bergantung terhadap penjaga kepada hidup secara berdikari sepenuhnya terutama dalam soal kewangan (Nuraini Abdullah & Fazli Sabri, 2016). Seramai 85,338 individu telah diisytiharkan muflis dalam masa lima tahun diantara tahun 2013 hingga Februari 2017 manakala suku daripada statistik itu adalah individu dalam lingkungan usia 34 tahun ke bawah dengan jumlah individu yang terlibat ialah seramai 21,676 orang (*Pressreader*, Berita Harian, 2017).

Muflis ialah seseorang individu yang tidak dapat menjelaskan hutang yang dibuat apabila telah sampai tempoh matang walaupun seseorang itu mempunyai harta kerana hutang yang ditanggung terlalu besar nilainya daripada harta yang dimiliki (Azmi et al., 2019). Selain itu, muflis atau bankrap berlaku apabila seseorang individu tidak mampu membayar pinjaman atau hutang melebihi RM 30,000 dan ke atas (Nurauliani et al., 2015).

Muflis adalah status di mana seorang penghutang diisytiharkan muflis melalui perintah Mahkamah di mana seseorang individu yang bankrap boleh terdiri daripada lelaki atau wanita dan terdiri daripada individu atau syarikat (Sivanesan Tamil Selvam, 2020). Malah, menurut Sivanesan Tamil Selvam (2020), seramai 99.9% belia negara Malaysia bakal diisytiharkan muflis. Malah, berdasarkan kepada laporan akhbar Berita Harian (2019), Bank Dunia menganggarkan sebanyak 60% individu yang diisytiharkan muflis adalah dalam kategori golongan belia berumur antara 22 hingga 25 tahun.

Sebanyak 2.2 juta isi rumah di Malaysia yang berpendapatan RM1,000 ke bawah dan majoriti mereka berada di bandar (Sivanesan Tamil Selvam, 2020). Namun, tabiat berbelanja melebihi pendapatan menjadi isu merbahaya dikalangan golongan belia di Malaysia. Golongan yang berusia di bawah 45 tahun, sebanyak 50% daripada itu adalah melibatkan pemegang kredit yang berusia di bawah umur 30 tahun. Lebih memeranjatkan apabila 15% daripada mereka tidak mempunyai tabungan atau simpanan manakala 37% lagi tidak pernah memikirkan persediaan untuk persaraan (Jessica Ong Hai Liaw, 2014). Berdasarkan Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC), perilaku dan tabiat kewangan golongan pekerja muda, peratusan kes kebangkrutan yang paling tinggi di kalangan belia adalah melibatkan pinjaman kenderaan iaitu 25.21%, diikuti pinjaman persendirian 13.15%, pinjaman perumahan 12.31 %, pinjaman perniagaan 11.26 % dan kad kredit 4.9 % (Sivanesan Tamil Selvam, 2020; Nurauliani Jamlus Rafdi et al., 2015).

Pengurusan hutang yang tidak cekap, perbelanjaan yang tidak dirancang, pengurusan kewangan peribadi yang lemah, pengaruh diri terhadap beberapa tabiat dan beberapa faktor yang lain yang menyebabkan golongan belia ramai diisytiharkan muflis (Nurauliani et al., 2015). Menurut statistik Portal Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia (2019), bilangan individu muflis pada tahun 2018 meningkat daripada tahun 2017 bagi golongan belia bawah umur 25 tahun iaitu sebanyak 59 orang individu berbanding dengan 80 orang individu pada tahun 2017.

Manakala bagi golongan belia umur 25-34 tahun seramai 4,139 individu yang telah diisytiharkan muflis pada tahun 2018. Ini berdasarkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan belia dalam mendepani dunia yang berkembang pesat. Menurut Nurauliani et al. (2015), cabaran yang dihadapi oleh golongan belia ialah kos sara hidup yang tinggi di samping mengikut kehendak untuk memewahkan diri. Manakala menurut Muslihah et al (2020), pengaruh institusi perbankan dan pengaruh diri menjadi cabaran yang dihadapi oleh golongan belia dalam menguruskan perbelanjaan.


Maka, amalan menguruskan kewangan telah mendapati bahawa pengetahuan mengenai kewangan penting dalam membantu pihak yang terlibat menguruskan kewangan (Noraihan et al (2013). Hal ini selari dengan Nuraini Abdullah dan Fazli Sabri (2016), pengetahuan tentang pengurusan kewangan yang lemah dan cabaran diri terhadap sikap kewangan peribadi juga menjadi cabaran para belia dalam mengurus kewangan di era globalisasi sehingga membawa kepada kemufflisan.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor berlakunya muflis dalam kalangan belia berusia 18 hingga 30 tahun di Malaysia. Kajian ini perlu dilaksanakan untuk kebaikan umum dan memberi pengetahuan kepada masyarakat di luar sana mengenai isu muflis ini adalah perkara yang patut dibimbangkan dan bukan dipandang sebelah mata.

## 2. Sorotan Kajian Lepas

Bahagian ini menekankan faktor-faktor yang menyebabkan golongan belia menjadi muflis pada usia muda dalam beberapa hal yang berkaitan. Ia turut menjelaskan dengan lebih mendalam berkaitan hal yang berbangkit yang seiring dengan isu-isu yang membimbangkan dengan statistik, laporan dan kajian-kajian berkaitan. Oleh yang demikian, beberapa kajian diambil untuk dijadikan rujukan dengan mengulas secara mendalam mengenai faktor yang menyebabkan golongan belia terjerumus dalam kancah muflis. Secara ringkas, Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep yang digunakan untuk membincangkan kajian ini.

Rajah 1: Faktor-faktor Muflis Dalam Kalangan Belia Pada Usia Muda Di Malaysia



### 2.1 Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan ditakrifkan sebagai satu set tingkah laku dalam pengurusan tunai dan kredit, perancangan kewangan, insurans, persaraan, pelaburan dan perancangan harta (Saidi et al., 2016). Menurut Thulasimani (2015), pengurusan kewangan peribadi membantu individu menguruskan kewangan rumah seperti belanjawan, simpanan, pelaburan dan pengurusan hutang yang berkaitan dengan wang peribadi di mana individu berkenaan dapat mencapai matlamat peribadi. Malah, pengurusan kewangan yang baik melibatkan perancangan kewangan yang dapat membantu mengenal pasti cara-cara menyediakan belanjawan, membelanjakan sesuatu wang dan membuat simpanan (Noraihan et al., 2013).

Perancangan kewangan ditafsirkan sebagai proses meramalkan, mengumpulkan, mengeluarkan, melaburkan dan merancang wang tunai yang

diperlukan oleh individu untuk beroperasi dengan lancar (Irawan et al., 2018). Manakala literasi kewangan merupakan satu sains dan seni dalam pengendalian wang yang perlu dimiliki oleh individu atau organisasi (Noraihan et al., 2013). Dari sudut pemikiran Sheeril Hing Mei Lyn dan Sheerad Sahid (2021), kewangan adalah salah satu daripada sepuluh kecerdasan yang harus ada pada semua individu bagi memenuhi matlamat kehidupan untuk masa hadapan dalam melaksanakan perancangan kewangan dengan lebih teratur.

Pengetahuan tentang pengurusan kewangan perlu berada pada tahap yang tinggi untuk menguruskan kewangan agar stabil dan teratur bagi mengelakkan belia terjerumus dalam kancah muflis. Selain itu, antara faktor penting yang dikenal pasti mampu mempengaruhi keputusan seseorang individu dalam kewangan adalah pengetahuan mengenai ilmu pengurusan kewangan atau dengan kata lain celik kewangan (Rubayah et al., 2015).

Kontradiksinya, tahap pengetahuan mengenai kewangan merupakan isu yang penting dalam tingkah laku atau sikap pengurusan kewangan (Nurainsah Sepeai dan Zaimah Ramli, 2019). Tingkah laku ditakrifkan sebagai suatu sistem pengurusan kewangan yang sistematik seperti membuat simpanan secara konsisten dengan menulis rancangan kewangan dan matlamat kewangan yang hendak dicapai (Zaimah Ramli et al., 2012). Tingkah laku kewangan yang baik dicerminkan dengan perlakuan seperti menyediakan buku rekod dan catatan aliran tunai, merancang perbelanjaan, membayar bil utiliti, mengawal penggunaan kad kredit dan membuat simpanan secara konsisten (Nurainsah Sepeai dan Zaimah Ramli, 2019).

Selain itu, pengurusan hutang yang tidak teratur adalah disebabkan oleh pendapatan yang tidak selari dengan perbelanjaan menjadikan pekerja muda terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan dan kehendak masing-masing (Nuraini Abdullah dan Fazli Sabri, 2016). Kurangnya literasi kewangan menjadikan golongan belia tidak mampu bersaing dalam kemajuan industri kewangan yang dilihat semakin pesat berkembang dengan pertambahan produk dan perkhidmatan (Nuraini Abdullah dan Fazli Sabri, 2016).

## ***2.2 Sikap Terhadap Wang***

Pengetahuan kewangan mempunyai definisi yang berbeza-beza jika dilihat dari sudut pengurusan kewangan (Nor Syahidah dan Norasmah, 2017). Pemahaman kewangan terhadap inflasi, kadar pulangan, pelaburan, sewa beli kenderaan serta pengurusan risiko adalah sebahagian daripada contoh pengetahuan kewangan (Salbiah Nur Shahrul et al., 2019). Menurut Marzieh Kalantarie et al (2013), segala kerugian, keuntungan dan peristiwa kewangan harian adalah bergantung kepada kemahiran pengurusan kewangan yang diamalkan. Malah, kemahiran pengurusan kewangan yang cekap dan efisien

dapat mengawal segala kegiatan harian kewangan bagi menguruskan pengurusan yang cekap memerlukan satu kemahiran yang tinggi yang diperolehi daripada pendedahan mengenai literasi kewangan yang jelas (Nurainsah Sepeai dan Zaimah Ramli, 2019). Dalam hal ini dapat disifatkan bahawa kemahiran dalam pengurusan amat penting dan akan mempengaruhi sifat individu terhadap wang kerana pengaruh pengurusan kewangan yang baik dan teratur dapat mengawal sifat para belia terhadap wang.

Golongan belia mempunyai kehendak untuk memiliki kenderaan yang harga berpuluh-puluh ribu ringgit dan beranggapan dengan membuat pinjaman bagi mendapatkan kereta idaman adalah salah satu jalan singkat. Menurut Nurauliani et al. (2015), pembelian tanpa deposit adalah seperti tawaran yang meringankan beban dan akan menyebabkan ramai tidak melepaskan peluang dalam mendapatkan tawaran tersebut. Namun hakikatnya, golongan belia telah terperangkap dengan penjual kerana pada asalnya tawaran itu sebenarnya menyusahkan mereka kelak dengan ansuran bulanan yang tinggi Nurauliani et al. (2015). Dalam pengurusan kewangan, bayaran bulanan yang disarankan adalah tidak melebihi 15% daripada gaji bersih setiap bulan dan pinjaman maksimum 7 tahun untuk melunaskan ansuran kereta disebabkan oleh susut nilai aset kenderaan dengan mendadak setiap bulan (Nurauliani et al., 2015).

Penilaian individu terhadap wang sama ada positif mahupun negatif adalah berdasarkan literasi kewangan, pengalaman kewangan dan sosialisasi kewangan ketika kanak-kanak (Nurul 'Alyaa Adillah et al., 2013). Sikap yang positif dapat dilihat apabila individu menganggap wang sebagai simbol kekayaan dan kemegahan manakala sikap terhadap wang yang negatif ialah wang dilihat sebagai bukan keutamaan dalam kehidupan individu. Perkaitan ini mewujudkan segelintir golongan belia sering mengukur standard kehidupan berdasarkan barangan yang dimiliki seperti bilangan kenderaan, kad kredit dan sebagainya dengan berhutang semata-mata untuk mendapatkan pengiktirafan daripada rakan sekerja dan orang lain. Golongan belia yang memiliki sikap negatif terhadap wang dilihat cenderung membelanjakan wang secara tidak terancang sekali gus menyebabkan pengurusan hutang yang tidak bijak (Nuraini Abdullah dan Fazli Sabri, 2016).

### ***2.3 Senario Keberhutangan***

Senario keberhutangan sering kali dikaitkan dengan golongan belia (Nuraini Abdullah dan Fazli Sabri, 2016). Maka tidak hairanlah seramai 21, 358 jumlah kes muflis berumur 25 hingga 34 tahun dari tahun 2015 hingga 2019 iaitu sebanyak 25.18% (Portal Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia, 2019). Jadual 1 menunjukkan jumlah kes kebangkrupan yang direkodkan dari tahun 2015 hingga 2019 dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.

Jadual 1: Statistik Kategori Kebankrapan

Kategori Kebankrapan	Jumlah	Peratus
Pinjaman peribadi	27, 199	32.07%
Sewa beli kenderaan	18, 262	21.53%
Pinjaman rumah	10,658	12.57%
Hutang Kad kredit	8,481	10%
Pinjaman perniagaan	8,608	10.15%
Penjamin sosial	3,786	4.46%
Penjamin korporat	2,900	3.42%
Hutang Cukai pendapatan	1,369	1.61%
Pinjaman pelajaran	57	0.07%
Lain-lain	3,485	4.11%

Sumber: Jabatan Insolvensi Malaysia (2019)

Malah, lebih membahayakan apabila golongan belia membuat pinjaman daripada agensi yang tidak sah seperti syarikat pinjaman yang dikenali sebagai “*Ah Long*” (Mohd Azam Yahya et al., 2020). Penyumbang tertinggi kes muflis di negara ini adalah disebabkan oleh membuat pinjaman peribadi. Hal ini selari dengan Jessica Ong Hai Liaw (2014), semakin ramai belia yang muflis disebabkan menanggung bebanan hutang yang amat serius seperti kad kredit, pinjaman kereta dan pinjaman peribadi.

Kebelakangan ini, perkahwinan pada usia muda sudah menjadi satu trend dalam kalangan masyarakat sekarang (Nur Muzdalifah dan Zaimah, 2020). Oleh itu pembiayaan peribadi menjadi pilihan utama apabila tidak mencukupi wang untuk mengadakan perkahwinan impian. Jumlah kes perkahwinan usia muda di Malaysia menunjukkan peningkatan sebanyak 10,119 kes sepanjang tahun 2010-2017 (Jabatan Pendaftaran Negara, 2016). Hakikatnya, pasangan yang berkahwin semasa belajar tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh (Mohd Anwar et al., 2014) dan (Noorashida et al., 2016). Sumber kewangan golongan muda yang sedang belajar hanya diperolehi daripada ibu bapa, biasiswa dan pinjaman pendidikan dan wang diperolehi tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan kehidupan seharian, apatah lagi apabila sudah memiliki cahaya mata (Nur Muzdalifah dan Zaimah, 2020).

Menurut Khairuddin dan Fauzi (2016), majlis perkahwinan masyarakat Melayu kini berbeza dengan masyarakat Melayu tradisional. Kebanyakan majlis masa kini lebih mementingkan perkara tidak wajib seperti kepelbagaian barangan hantaran dan perkhidmatan perkahwinan yang secara langsung membawa ke arah pembaziran dan perbuatan berlebih-lebihan seperti tema atau konsep perkahwinan, pakej perkahwinan, barang hantaran, pakej jurugambar dan pembentukan impian melalui perantara budaya baharu.



Antara sumber kewangan untuk menjayakan perkahwinan impian ialah wang simpanan, sumbangan, tabungan khas dan pinjaman (Nur Muzdalifah dan Zaimah, 2020).

Membuat pinjaman bagi melangsungkan sebuah perkahwinan idaman era terkini adalah salah satu penyebab muflis akibat tidak mampu membayar dengan pelbagai komitmen dalam rumahtangga. Hasil pinjaman merupakan sumber perbelanjaan kedua selepas wang simpanan, bahkan ada yang menjadikan sumber utama. Menurut Nur Muzdalifah dan Zaimah (2020), pinjaman dilakukan melalui ahli keluarga, institusi perbankan atau pinjaman dan pusat gadaian. Malah, membuat pinjaman peribadi semata-mata untuk perbelanjaan kahwin dan wang itu hilang sejurus selepas majlis berakhir tetapi bebanan hutang tetap berjalan untuk dilangsaikan hingga terpaksa tanggung hingga bertahun-tahun (Nurauliani et al., 2015). Selain pinjaman peribadi, hutang yang paling banyak digunakan untuk membeli kenderaan yang lebih menarik apabila pembelian kenderaan tanpa perlu deposit menarik minat belia untuk cenderung membeli kenderaan (Nur Aisyatul et al., 2015). Akibat daripada rendahnya tahap literasi kewangan menyebabkan kurangnya kefahaman mengenai pembelian kereta tanpa deposit.

Selain itu, senario keberhutangan yang sering dilakukan oleh kebanyakan golongan belia ialah hutang kad kredit. Kebiasaannya pengguna kad kredit sering leka apabila menggunakannya kerana tidak mengurus niaga dengan wang tunai (Nurauliani et al., 2015). Apabila menggunakan kad kredit hingga tertunggak menjadi penyebab ramai muflis kerana tidak mampu untuk melunaskan semua hutang dengan kadar faedah yang tinggi sehingga mencecah 13.5% setahun (Nurauliani et al., 2015). Ditambah pula golongan belia merasakan dengan menggunakan kad kredit mereka seperti orang kaya yang palsu (Nurauliani et al., 2015). Hakikatnya, orang yang menggunakan kad kredit tanpa mengukur kemampuan sendiri sedang menjerat diri menggali lubang yang lebih dalam dan sebenarnya mencari lebih banyak hutang untuk dibayar (Nurauliani et al., 2015). Di samping itu, sifat golongan muda belia yang ingin menunjuk-nunjuk dan hidup di luar kemampuan sehingga sanggup membeli barang mahal, kereta mahal yang hanya sekadar memuaskan nafsu sendiri Jessica Ong Hai Liaw (2014).

Menurut Abdul Basit et al. (2014), kadar hutang pada masa kini sangat membimbangkan di mana lebih kurang 47% golongan muda mempunyai kadar hutang yang serius. Rata-rata individu mempunyai hutang atau membuat pinjaman untuk menaik taraf hidup supaya lebih selesa. Jelaslah, senario keberhutangan dapat mengakibatkan ramai belia terjebak dalam kancah muflis di usia muda.

## **2.4 Pengaruh Persekitaran**

Dalam kajian Mohd Azam Yahya et al (2020), pengaruh persekitaran merupakan faktor yang mendorong individu untuk membuat pembiayaan peribadi. Kajian ini turut menjelaskan secara umum perkara yang mempengaruhi individu di Malaysia membuat pembiayaan peribadi di institusi-institusi perbankan. Dapatan kajian ini telah mendapati terhadap dua faktor besar diklasifikasikan untuk menjelaskan bagi situasi pengaruh tersebut iaitu pengaruh institusi perbankan serta diri sendiri. Malah, dapatan kajian juga menjurus kepada faktor yang mempengaruhi 402 orang penjawat awam Muslim ialah faktor diri sendiri dan faktor perbankan yang memainkan peranan dalam menarik golongan tersebut dalam melanggan kemudahan pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh institusi-institusi perbankan (Mohd Azam Yahya et al, 2020).

Amalan pinjaman dan berhutang merupakan salah satu daripada konsep tolong-menolong dan bantu-membantu bagi memenuhi tuntutan kehidupan harian mereka. Islam mengharuskan kepada umatnya untuk berurusan dengan hutang-piutang dan pinjam-meminjam ini kerana mempunyai daya usaha saling bantu-membantu dan tolong-menolong sesama mereka. Bagi pihak yang berhutang pula, banyak manfaat diterima sekiranya hutang dan pinjaman yang dibuat menepati kepada keperluan dan kehendak hidup yang minimum (Mohd Azam Yahya et al, 2018).

Menurut Nurauliani et al., (2015) dengan merujuk kepada kajian Tuan Zaidi Ismail (2015), mendapati terdapat 4 faktor utama statistik muflis meningkat iaitu membeli kenderaan tanpa deposit, membeli rumah di luar kemampuan dengan pinjaman maksimum, memohon pinjaman peribadi bagi melangsungkan majlis perkahwinan dan menggunakan kad kredit dengan bayaran minima setiap bulan. Selain itu, terdapat beberapa lain faktor yang mempengaruhi individu dalam membuat pinjaman atau berhutang seperti jurang pendapatan, kos sara hidup yang tinggi, keperluan hidup, kemudahan untuk membuat pinjaman yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan dan sikap yang tidak merasa puas dengan apa yang dimiliki (Mohd Azam Yahya et al., 2020). Disebabkan itu, keseronokan dan kesedapan berhutang ini boleh membawa kepada situasi yang tidak menyenangkan kepada penghutang sekiranya sikap peribadi tidak dapat dikawal (Mohd Azam Yahya et al., 2020).

## **3. Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kuantitatif. Kajian ini berbentuk tinjauan untuk mengukur tahap pengurusan kewangan golongan belia. Kaedah analisis deskriptif untuk mengenal pasti responden kepada suatu pemboleh ubah. Reka bentuk ini disesuaikan dalam keadaan Malaysia mengalami lonjakan bilangan kes pesakit Covid-19 yang

membatas perjalanan untuk membuat penyelidikan. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data bagi kajian ini ialah melalui soal selidik dilakukan dengan elektronik. Kaedah ini digunakan untuk menentukan faktor sosio-ekonomi yang mempengaruhi pengurusan kewangan.

Sampel kajian adalah golongan belia di seluruh Malaysia. Hal ini kerana kebanyakan isu yang timbul melibatkan golongan belia di Malaysia. Sampel merangkumi semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Responden kajian ini melibatkan golongan belia yang berusia daripada 18 tahun hingga 30 tahun. Golongan yang disasarkan adalah golongan belia pertengahan dan belia akhir. Golongan belia pertengahan dalam lingkungan usia 18 tahun hingga 24 tahun. Manakala, belia akhir pula berusia 25 hingga 30 tahun.

Terdapat 20 soalan yang dikemukakan bermula soalan 1 hingga soalan 5 berkaitan dengan pengurusan kewangan. Bagi soalan 6 hingga soalan 10 pula berkaitan dengan sikap terhadap wang. Soalan 11 hingga soalan 15 menjurus kepada senario keberhutangan. Soalan 5 terakhir iaitu 16 hingga 20 menunjukkan pengaruh persekitaran para responden. Semua soalan dalam ini diukur dengan menggunakan Skala Likert 5 mata (sangat setuju= 5, setuju= 4, agak setuju= 3, tidak setuju= 2, sangat tidak setuju= 1). Soalan soal selidik ini diedarkan melalui media sosial iaitu *Whatsapp*, *Instagram*, *Twitter*, *Facebook* dan *Telegram* menggunakan *Google Form* yang telah direka bagi membantu para responden menjawab soalan secara mudah dan senang. Kaedah analisis data dengan nilai skor min yang dikelaskan dalam tiga tahap. Dimana tahap rendah = 1.00 hingga 2.33, tahap sederhana a= 2.34 hingga 3.66 dan tahap tinggi = 3.67 hingga 5.00.

#### **4. Dapatan Kajian**

Sejumlah 384 responden yang telah terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada 148 (38.5%) lelaki dan 236 (61.5%) wanita. Mereka berusia diantara 18 hingga 30 tahun; dan skor daripada itu 18-20 tahun seramai 143 (37.2%), manakala 20-24 tahun seramai 130 (33.9%) dan 25-30 tahun seramai 111 (28.9%).

Selain daripada itu, maklumat tambahan responden juga diambil seperti status perkahwinan, pendapatan bulanan dan tahap pendidikan. Kebanyakan responden terdiri daripada golongan belia yang masih bujang iaitu seramai 299 (77.9%), golongan belia yang berkahwin seramai 76 (19.8%) dan golongan belia yang bercerai atau berpisah juga seramai 10 (2.3%). Manakala pendapatan bulanan golongan belia berada di sekitar kurang daripada RM1000 setiap bulan dengan kadar kekerapan 234 (60.9%), bagi pendapatan terendah dengan kekerapan 49 (12.8%) RM1000 hingga RM1999. Sementara itu baki responden berpendapatan RM2000 ke atas, seramai 50 (13.0%) dengan kadar pendapatan sekitar RM2000 hingga

RM2999 dan golongan belia berpendapatan lebih daripada RM3000 ialah sebanyak 51 (13.3%). Seperti mana demografi responden di Jadual 2:

Jadual 2: Demografi Golongan Belia

Ciri-ciri Responden	Pemboleh Ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	148	38.5
	Perempuan	236	61.5
Umur	18-20 tahun	143	37.2
	20-24 tahun	130	33.9
	25-30 tahun	111	28.9
Status Perkahwinan	Berkahwin	76	19.8
	Bercerai / berpisah	10	2.3
Pendapatan Bulanan	Bujang	299	77.9
	< RM1000	234	60.9
	RM1000 – RM1999	49	12.8
	RM 2000 – RM2999	50	13.0
Tahap Pendidikan	>RM3000	51	13.3
	Sarjana	23	6.0
	Ijazah Sarjana Muda	139	36.2
	STPM / Diploma / Setaraf	157	40.9
	SPM	65	16.9

#### 4.1 Faktor Golongan Belia Malaysia Muflis

Kajian ini mendapati empat faktor yang sering kali menjadi penyebab kebanyakan golongan belia muflis di Malaysia. Soalan-soalan kajian juga menjurus kepada empat (4) faktor tersebut. Jadual 3 menunjukkan nilai min bagi item-item di bawah faktor pengurusan kewangan. Secara keseluruhannya, responden bersetuju terhadap item-item tersebut.

Jadual 3: Faktor Pengurusan Kewangan

Item	Pernyataan	Min	Tahap
S1	Saya mempunyai kesedaran tentang kepentingan pengurusan kewangan.	4.29	Tinggi
S2	Saya mempunyai pengetahuan tentang pengurusan kewangan.	3.70	Tinggi
S3	Saya berpendapat dengan mencatat aliran keluar masuk wang setiap hari dapat membantu saya menguruskan kewangan dengan lebih sistematik.	3.98	Tinggi
S4	Saya berpendapat bahawa membuat pelaburan pada usia muda dapat mengelakkan saya terjebak dalam masalah kewangan di hari tua.	4.20	Tinggi
S5	Saya berpendapat bahawa melakukan “ <i>side income</i> ” boleh menambah sumber kewangan saya.	4.46	Tinggi
		<b>4.13</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 4 pula adalah dapatan mengenai faktor sikap terhadap wang menunjukkan nilai min bagi item-item di bawah faktor sikap terhadap wang. Secara keseluruhannya, responden bersetuju terhadap item-item tersebut.

Jadual 4: Faktor Sikap Terhadap Wang

Item	Pernyataan	Min	Tahap
S6	Saya dapat mengenal pasti keperluan dan kehendak ketika berbelanja	4.03	Tinggi
S7	Saya selalu membeli barangan yang tidak termasuk dalam senarai pembelian saya kerana tertarik kepada tawaran istimewa atau jenamanya.	3.55	Sederhana
S8	Saya selalu berbelanja untuk kepuasan diri saya.	3.43	Sederhana
S9	Saya banyak menghadapi masalah dalam menguruskan kewangan saya.	3.37	Sederhana
S10	Saya sering mengalami kesukaran dalam membuat keputusan berkaitan perbelanjaan.	3.48	Sederhana
		3.57	Sederhana

Bagi Jadual 5 menunjukkan nilai min bagi faktor pengaruh persekitaran. Secara keseluruhannya, responden agak bersetuju terhadap item-item tersebut.

Jadual 5: Faktor Pengaruh Persekitaran

Item	Pernyataan	Min	Tahap
S11	Saya mudah terpengaruh dengan persekitaran akibat komitmen yang tinggi setiap bulan.	3.24	Sederhana
S12	Saya mudah tertarik dengan iklan pinjaman wang dari institusi kewangan	2.36	Sederhana
S13	Saya mudah terpengaruh dengan rakan dan persekitaran.	2.92	Sederhana
S14	Saya berminat untuk membuat pinjaman bank	2.66	Sederhana
S15	Saya terpengaruh dengan kemewahan hidup di usia muda.	2.84	Sederhana
		2.80	Sederhana

Jadual 6 pula menunjukkan nilai min bagi faktor pengaruh persekitaran. Secara keseluruhannya, responden tidak bersetuju terhadap item-item tersebut.

Jadual 6: Faktor Senario Keberhutangan

Item	Pernyataan	Min	Tahap
S16	Saya berpendapat, semakin banyak hutang semakin berjaya.	1.96	Rendah
S17	Saya rasa berhutang merupakan jalan yang baik untuk menyelesaikan masalah dalam kewangan.	1.95	Rendah
S18	Saya sanggup berhutang setiap bulan asalkan dapat memiliki apa yang diidamkan.	1.90	Rendah
S19	Saya sanggup berhutang untuk mendapatkan	1.83	Rendah

S20	perkahwinan impian.		
	Saya tidak akan mengubah corak perbelanjaan walaupun terpaksa berhutang.	2.08	Rendah
		1.94	Rendah

## 5. Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian bagi faktor pengurusan kewangan, responden sangat bersetuju bahawa melakukan “*side income*” boleh menambah sumber kewangan (nilai min 4.46). Selain itu, responden bersetuju bahawa mempunyai kesedaran tentang kepentingan pengurusan kewangan (nilai min 4.29), membuat pelaburan pada usia muda dapat mengelakkan terjebak dalam masalah kewangan di hari tua (nilai min 4.20), mencatat aliran keluar masuk wang setiap hari dapat membantu saya menguruskan kewangan dengan lebih sistematik (nilai min 3.98) dan mempunyai pengetahuan tentang pengurusan kewangan (nilai min 3.70) merupakan faktor pengurusan kewangan.

Bagi faktor sikap terhadap wang, responden bersetuju bahawa mengenal pasti keperluan dan kehendak ketika berbelanja (nilai min 4.03) dan selalu membeli barangan yang tidak termasuk dalam senarai pembelian kerana tertarik (nilai min 3.55) merupakan faktor sikap terhadap wang. Selain itu, responden agak bersetuju terhadap sering mengalami kesukaran dalam membuat keputusan berkaitan perbelanjaan (nilai min 3.48), selalu berbelanja untuk kepuasan diri saya (nilai min 3.43) dan banyak menghadapi masalah dalam menguruskan kewangan saya (3.37) merupakan faktor sikap terhadap wang.

Selain itu, bagi faktor pengaruh persekitaran, responden agak bersetuju bahawa mudah terpengaruh dengan persekitaran akibat komitmen yang tinggi setiap bulan (nilai min 3.24), mudah terpengaruh dengan rakan dan persekitaran (nilai min 2.92), terpengaruh dengan kemewahan hidup di usia muda (nilai min 2.84) dan berminat untuk membuat pinjaman bank (nilai min 2.66) merupakan faktor pengaruh persekitaran. Namun begitu, responden tidak bersetuju bahawa mudah tertarik dengan iklan pinjaman wang dari institusi kewangan (nilai min 2.36) merupakan faktor pengaruh persekitaran.

Namun begitu, bagi faktor senario keberhutangan, responden tidak bersetuju terhadap keseluruhan item. Item tersebut adalah tidak akan mengubah corak perbelanjaan walaupun terpaksa berhutang (nilai min 2.08), semakin banyak hutang semakin berjaya (nilai min 1.96), berhutang merupakan jalan yang baik untuk menyelesaikan masalah dalam kewangan (nilai min 1.95), sanggup berhutang setiap bulan asalkan dapat memiliki apa yang diidamkan (nilai min 1.90), sanggup berhutang untuk mendapatkan perkahwinan impian (nilai min 1.83).

## 6. Kesimpulan

Senario muflis dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan belia merupakan isu yang perlu diberi lebih perhatian. Kajian-kajian terdahulu telah mengenal pasti beberapa aspek yang boleh dikaitkan dengan situasi muflis iaitu seperti pengurusan kewangan, sikap terhadap wang, senario keberhutangan dan pengaruh persekitaran. Berdasarkan pandangan tersebut, kajian ini mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan ramai golongan belia terjebak ke dalam kancah kemuflian ini dengan memberi tumpuan kepada belia berusia 18 hingga 30 tahun.

Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan ini, dapat disimpulkan bahawa faktor utama kebanyakan belia menjadi muflis adalah disebabkan kegagalan dalam pengurusan kewangan. Pengurusan kewangan bukan sahaja memerlukan kesedaran untuk melakukannya, tetapi juga memerlukan pengetahuan dan pendidikan untuk melaksanakannya. Apabila perkara sedemikian dipelajari serta diamalkan dalam kehidupan seharian maka ia akan membentuk sikap dan tingkah laku yang baik terhadap wang. Hal ini seterusnya dapat membantu dalam mendisiplinkan diri dan mengawal keghairahan dalam berbelanja dan berhutang. Semua ini saling berkait untuk menunjukkan bahawa pengurusan kewangan bukan sahaja membantu masyarakat mahupun belia dalam menguruskan kewangan mereka malah mendidik mereka dalam mengamalkan sikap yang murni demi menjamin masa depan yang lebih cerah baik untuk diri mereka sendiri mahupun untuk negara Malaysia.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pemerkasaan pengurusan kewangan dalam kalangan belia adalah amat penting dalam sebagai satu usaha untuk menangani masalah muflis di Malaysia. Oleh itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu bersama-sama memikirkan strategi yang berkesan untuk memastikan golongan belia khususnya dan rakyat Malaysia secara umumnya dapat menguruskan kewangan mereka dengan sebaiknya, seterusnya dapat mengelakkan mereka dari menjadi muflis.

## RUJUKAN

- Abdul Basit. H., Tamat. S.& Norlida Hanim. M. S. (2014). Hutang dan Golongan Muda Di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Prosiding PERKEM Ke-9*. 833-844. ISSN: 2231-962X.
- Bank Muamalat. (2022). Buku Kewajipan Membayar Hutang. Dipetik pada 15 Mac 2022 dari: <https://www.muamalat.com.my/downloads/media-room/publications/Buku-Kewajipan-Membayar-Hutang.pdf>
- Jessica Ong Hai Liaw. (2014). Belia Mufliis Akibat Belanja Luar Kemampuan. Dipetik pada 27 Februari 2022 dari: <http://belasengsarhutang.blogspot.com/2015/08/utusan-malaysia-1542014-belia-mufliis.html>
- Irawan, Yossie. R. & Muhammad Dharma. T. P. N. (2018). Financial Literacy For Family Welfare Within Financial Planning: Study Demographic of Community in Tanjung Balai City, North Sumatera. *Proceeding The 4rd International Conference on Management Sciences (IcoMS) 2018*.
- Laman Rasmi Berita Harian Online (2020). Wuhan Laporan Jangkitan Pertama Dalam Tempoh Lebih Sebulan. Dipetik pada 27 Februari 2022 dari: <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/05/687441/covid-19-wuhan-lapor-jangkitan-pertama-dalam-tempoh-lebih-sebulan>
- Laman Rasmi Berita Harian Online (2020). Kehilangan Pekerjaan Meningkatkan 42 Peratus Pada Suku Pertama – PERKESO. Dipetik pada 27 Februari 2022 dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/696090/kehilangan-pekerjaan-meningkat-42-peratus-pada-suku-pertama-perkeso>
- Laman Rasmi Berita Harian Online (2019). Dipetik pada 27 Februari 2022 dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/588802/dewan-negara-lulus-pindaan-akta-turunkan-had-umur-belia-kepada-30>
- Laman Rasmi Berita Harian Online (2019). 60 Peratus Mufliis Adalah Golongan Muda-Bank Dunia. Dipetik pada 27 Februari 2022 dari: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/12/637714/60-peratus-mufliis-adalah-golongan-muda-bank-dunia>
- Mohd Azam. H.Y., Muslihah. M. & Suhaimi. A. H. (2020). Faktor Yang Mendorong Individu Untuk Membuat Pembiayaan Peribadi. *Jurnal 'Uluwan*. Jilid 5 (1). Pp: 126-163.
- Mohd Khairuddin. M. S. & Mohamad Fauzi. S. (2016). Impian dan Realiti Majlis Perkahwinan Orang Melayu Masakini: Kajian Kes di Pinggir Bandar Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Society and Space* 12 Issue 7 (1-12). ISSN: 2180-2491.
- Noraihan. M. Z., Hasmida. H. & Syaiful Baharee. J. (2013). Hubungan Antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar dan Kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi- Satu Kajian Kes Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Technical And Education Colloquium (TEC) PTSB*. 25-31
- Nor Syahidah. N. & Norasmah. O. (2017). Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan. *Journal Of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. Vol. 1. No. 1 (2017). Pp: 183-193. eISSN:24621714.
- Nuradli Ridzwan Shah. M. D., Hanifah. A. H., Wan Rasyidah. W. N., Wan Nur Fazni. W. M. N. & Umi Hamidaton. M. S. L. (2020). Gelagat Pengguna, Penjanaan dan Pengembangan Kekayaan Pasca COVID-19. Kertas Kerja Ucaptama Seminar SAIS 2020.
- Nuraini. A., Mohamad Fazli. S., Husniyah.A.R., Mohd Amim.O., Afida Mastura.M.A., Nurul Farhana.Z. (2013). Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jilid 21. ISSN: 1551-998



- Nuraini. A., & Mohamad Fazli. S. (2016). Faktor Peramal Pengurusan Hutang Dalam Kalangan Pekerja Muda. *International Journal of Education and Training(InjET)*. November 1-19. eISSN: 2462-2079
- Nurainsah. S. & Zaimah. R. (2019). Pengurusan Kewangan Usahawan: Kajian Kes Usahawan KADA di Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*. Volume 3 (3). e-ISSN: 2600-9501.
- Nurauliani J. R, Noor Aimi M.P, Wan Shabdila S.S, Fadilah M. N & Wan Shazlinda S.S (2015). Faktor-faktor Muflis Di Kalangan Belia. *International Conference on Management and Muamalah*.
- Nur Muzdalifah. Z. & Zaimah. R. (2020). Perancangan Kewangan Ke Arah Perkahwinan Dalam Kalangan Belia. *Jurnal Wacana Sarjana*. Volume 4 (2). e-ISSN: 2600-9501.
- Nurul ‘Alyaa A. M., Mohamad Fazli.S., Ahmad Hariza. H., Husniyah. A. R. & Mohd Amim. O. (2013). Literasi, Sosialisasi, Tingkah Laku Dan Kompetensi Kewangan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jilid 21. ISSN: 1551-99
- Pressreader*, Berita Harian (2017). 85,338 Individu Diisytihar Muflis Sejak 5 Tahun Lalu. Di petik pada 27 Februari 2022 dari: <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20170406/281797103845999>
- Portal Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia (2022). Statistik Kebankrapan 2020. Di petik pada 27 Februari 2022 dari: <https://www.mdi.gov.my/index.php/ms/perundangan/kebankrapan/1786-statistik-kebankrapan-2020>
- Rubayah. Y., Hawati. J. & Nur Ain. K. (2015). Tahap Literasi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*. 18(1)(2015):98-117.
- Salbiah Nur Shahrul. A., Suzana. A.R., Suhailah. I., Nurulhayah. M. & Maryam. M. E. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*. Vol.3. No.2. pp: 9-23.
- Sheeril Hing. M. L. & Sheerad. S. (2021). Faktor-faktor Mempengaruhi Tahap Literasi Kewangan Masyarakat Kawasan Pedalaman. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (IcoMM 2021)*. e-ISSN: 2756-8938.
- Sivanesan Tamil. S. (2020). Seramai 99.9% Belia Di Negara Ini Bakal Diisytiharkan Muflis? Artikel Majlis Belia Malaysia. Di petik pada 27 Februari 2021 dari: <https://belia.org.my/wp/2020/09/15/seramai-99-9-belia-di-negara-ini-bakal-diisytiharkan-muflis/>
- Thulasimani M. (2015). Personal Financial Management. Institut Teknologi Brunei. file:///C:/Users/User/Downloads/PERSONALFINANCIALMANAGEMENTbyThulasimaniMunohsamy%20(1).pdf
- Zaimah. R., Sarmila. MS., Azima. A.M., Suhana. S., Lyndon. N., Mohd Yusof. H. & S. Selvadurai. (2012). Tingkah Laku Kewangan Guru Di Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia. *Malaysi Journal of Society and Space*. 8 Issu6 (42-48).

